

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KURSUS ISTERI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN  
MALAYSIA 1/93  
Lokasi : BILIK SRI NILAM, INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN),  
Tarikh : 11-09-1993

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berusaha Dr. Mohd Rais bin Abdul Karim Pengarah INTAN; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama menghadiri di majlis yang mulia ini.

2. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada INTAN kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Kursus Isteri Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia pada hari ini.

3. Semenjak saya terlibat dalam Kursus Isteri Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia ini, saya telah mengikuti perkembangannya dengan penuh minat. Sehubungan ini, saya mengucapkan tahniah kepada INTAN kerana begitu iktizam meneruskan program ini semenjak tahun 1977. Saya percaya ramai para isteri yang telah mengikuti kursus tersebut memperolehi banyak faedah daripadanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Tentu ada antara puan-puan yang masih tertanya-tanya kenapa puan-puan perlu mengikuti kursus ini. Bagi saya, selagi kita masih hidup selagi itulah kita perlu menambahkan pengalaman, menimba ilmu dan meningkatkan kemahiran. Kita harus mempunyai fikiran yang terbuka kerana ia dapat membantu kita memperbaiki lagi diri kita demi kemajuan diri, suami, keluarga, bangsa, agama dan negara.

5. Sebagaimana kita sedia maklum negara kita kini pesat membangun dan sedang menuju ke taraf negara maju menjelang tahun 2020. Di sana sini segenap lapisan masyarakat, malahan di kalangan kanak-kanak, sering bercakap tentang Wawasan 2020. Apa sahaja cara penyampaianya, impian dan semangat Wawasan 2020 seharusnya tertanam dalam sanubari kita semua.

6. Semasa mengikuti kursus ini, harapan saya ialah puan-puan dapat mengikutinya dengan penuh semangat Wawasan 2020 dengan memberi penekanan pada aspek sosio-budaya beserta nilai-nilai murni ketimuran. Cabaran dalam bentuk hakisan nilai-nilai sosial dan masyarakat terutamanya yang menyentuh adat resam dan budaya tradisional kini sudah mula berlaku. Malahan, nilai-nilai tradisional yang kita sanjungi selama ini, kini sudah mula tercemar. Nilai budi yang tinggi, sopan santun, ramah mesra, hidup bermasyarakat dan sebagainya semakin tercabar. Kita sama-sama bertanggungjawab untuk membendung unsur-unsur negatif yang sedang menular di dalam cara hidup masyarakat kita sekarang.

Di sinilah peranan puan-puan sebagai isteri kepada Pegawai Kanan Kerajaan, sebagai ibu yang membantu dalam pendidikan anak-anak, dan sebagai penyokong suami yang berhemah tinggi, mempertahankan nilai-nilai murni yang kita pegang itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Saya difahamkan bahawa antara lain kursus ini memerlukan puan-puan menjadi 'the perfect host'. Menjadi tuan rumah ataupun 'host' dan juga tetamu cemerlang adalah penting kerana ia merangkumi aspek-aspek yang dapat meningkatkan lagi imej Kerajaan dan mengharumkan nama negara. Sebagai 'the other half', peranan puan-puan mungkin lebih mencabar dan sentiasa diperlukan. Seringkali, terutama dalam lawatan-lawatan rasmi atau semasa berkhidmat di luar negeri, puan-puan dikehendaki memainkan peranan sebagai 'unofficial ambassador'. Saya berharap peranan tersebut dapat dilakukan secara positif demi ingin berkhidmat kepada negara di samping suami tersayang.

8. Peranan puan-puan bukan sahaja tertumpu kepada aspek fizikal seperti menyediakan makanan, menyambut tetamu dan sebagainya. Lebih penting puan-puan harus melengkapkan diri dengan pengetahuan am terutama mengenai dasar-dasar Kerajaan. Justeru itu, puan-puan harus mempunyai hasrat dan keinginan untuk membaca dan bertukar-tukar pendapat dengan orang lain. Mempunyai pengetahuan am terkini akan dapat membantu meningkatkan kredibiliti puan-puan dan secara tidak langsung juga boleh memperkenalkan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Saya sedar bahawa kita tidak dapat memainkan peranan yang berkesan sekiranya kemesraan antara suami-isteri tidak wujud. Ini adalah penting dan perlu diberi perhatian mendalam. Mereka menerima hakikat bahawa perkongsian kehidupan sebagai suami-isteri memerlukan pengorbanan tertentu tanpa menjejaskan secara total kebebasan dan identiti seseorang suami dan isteri itu. Mereka mementingkan perhubungan yang berkesan di mana perasaan dan pendapat masing-masing dikeluarkan tetapi pada masa yang sama sedar bahawa pernyataan ini perlu dilakukan dengan cara yang baik dan bertepatan.

10. Di samping itu, keluarga bahagia perlu menekankan aspek kepentingan anak-anak di mana asuhan berasaskan nilai-nilai murni budaya kita adalah penting bagi melahirkan generasi muda yang berwibawa, berhemah tinggi dan mempunyai daya saing yang kuat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya percaya kursus yang diadakan ini akan dapat memberikan semangat dan keyakinan yang lebih, di samping membantu meningkatkan profesionalisme tugas-tugas suami puan-puan sama ada dalam konteks tugas rasmi ataupun tidak rasmi.

12. Sudah tentu ada di kalangan puan-puan yang hadir di sini kurang mengenali di antara satu sama lain. Mungkin ini kali pertama puan-puan menjalin hubungan. Sekiranya begitu, kursus ini boleh dimulakan dengan mengeratkan atau memperbaharui hubungan antara satu sama lain. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan silaturahmi yang dituntut oleh agama, tetapi juga boleh meningkatkan keupayaan suami masing-masing menjalankan tugas dengan menggunakan jalinan rangkaian kerja (networking) melalui puan-puan. Oleh yang demikian gunakanlah peluang yang diberikan ini sebaik mungkin.

13. Dengan kata-kata ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim mengisytiharkan Kursus Isteri Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1/93 dibuka dengan rasminya.

Wabillahaufik, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.